Rujukan : PEBARA/2021-2024/AGM Sesi 2024-2027
Tarikh : 15/4/2024

KEPADA SEMUA AHLI

Tuan / Puan,

NOTIS MENGENAI MESYUARAT AGUNG KALI KE-10 PEBARA SESI 2024-2027 DAN PEMILIHAN AHLI-AHLI MAJLIS JAWATANKUASA KERJA BAGI SESI 2024-2027

Perkara di atas adalah dirujuk.

Saya dengan hormatnya diarah memaklumkan kepada tuan/puan bahawa Mesyuarat Agung kali ke-10 PEBARA Sesi 2024-2027 dan pemilihan ahli-ahli Majlis Jawatankuasa Kerja akan diadakan seperti berikut:

Tarikh	: 8 Jun 2024
Hari	: Sabtu
Masa	: 9.00 pagi
Tempat	: Royale Chulan Hotel, Kuala Lumpur

2. Bersama-sama ini disertakan maklumat dan dokumen untuk perhatian dan tindakan tuan / puan sewajarnya.

   i. Agenda Mesyuarat
   ii. Minit Mesyuarat Agung bagi penggal terdahulu
   iii. Usul Berbangkit

      1. Tambahan Peraturan Kembaran Aturcara Menjalankan Undi Sulit secara email atau dalam talian.

      2. Kertas undi sulit perlu ada tandatangan ahli PEBARA yang membuat undian.

      3. Tambahan **Pindaan Peraturan 19, Perkara 7, Sub(a)** membeli hartanah atau pengambilan pinjaman pembelian hartanah tersebut tidak melebihi RM1 juta.

      4. Mewujudkan Elaun Risiko sebanyak RM1,000 kepada Jawatan Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua, Setiausaha dan Bendahari

      5. Mewujudkan Elaun Pemegang Amanah sebanyak RM300 setahun.

iv. Usul Pindaan Peraturan

1. Pindaan **Peraturan 9, Perkara 7** Jumlah Korum daripada ¼ (satu perempat) jumlah ahli berkelayakan kepada 1/8 (satu perlapan) jumlah ahli berkelayakan.

2. Pindaan **Peraturan 17, Perkara 1** bilangan Jemaah Pemeriksa Undi daripada 5 (lima) orang kepada 20 (dua puluh)

3. Pengenalan peraturan baru – Bantuan Peruntukan Dana Perundangan

v. Usul-usul lain

3. Sila bawa bersama kesemua maklumat di atas semasa tuan / puan hadir ke Mesyuarat Agung kelak. Kehadiran tuan / puan amat dihargai bagi memenuhi korum mesyuarat sekurang-kurangnya seramai 505 orang pada kali ini berdasarkan peruntukan peraturan yang menetapkan jumlah korum ¼ daripada jumlah ahli semasa (Mac 2024 – 2018 orang).

4. Kertas undi akan dihantar kepada tuan / puan secara pos ke alamat Jabatan atau cawangan yang tuan / puan menetap setakat makluman 31 Mac 2024

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

KESATUAN PEGAWAI-PEGAWAI BANK RAKYAT
PEBARA
NO. PENDAFTARAN
872

MOHD HIDZIR BIN MOHD YUSSOF
Setiausaha Kehormat PEBARA

KESATUAN PEGAWAI PEGAWAI BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD (PEBARA)
Tingkat 19, Menara Dua, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat 50470 Kuala Lumpur
TEL : 03-26129600 EXT 8977 EMAIL: pebarabankrakyat@gmail.com